

**Mahu krisis MCA diselesaikan
ibarat tarik rambut dari tepung**

PM PANGGIL MESYUARAT BN SEGERA

SUBANG 21 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan memanggil mesyuarat Barisan Nasional secepat secepatnya untuk membincangkan krisis MCA dan mahu perkara itu diselesaikan ibarat menarik rambut dari tepung.

Kata Perdana Menteri, sebarang masalah politik hendaklah diselesaikan dengan suatu cara tanpa menimbulkan berbagai masalah yang lain. "Kalau nak tarik rambut, jangan sampai tepung berkecai," katanya sambil merujuk kepada krisis MCA semasa bercakap kepada para pemberita di Lapangan Terbang di sini petang ini sebaik sahaja kembali dari lawatan ke Libya, Mesir dan Mali.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, had masa tidak penting dalam mencari penyelesaian bagi krisis parti komponen BN itu.

Yang penting, tambahnya, ialah bagi pihak yang terlibat mengatasi masalah yang menjadi penghalang kepada perdamaian.

segi sebelum dapat mengeluarkan sebarang kenyataan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam turut berada di samping para pemberita ketika Datuk Sri Dr. Mahathir dikerumuni oleh kira-kira 30 orang pemberita akhbar dan TV di bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang di sini. Naib Presiden MCA yang dipecat, Encik Tan Koon Swan kelihatan hadir beberapa minit sahaja untuk berjabat salam dengan Perdana Menteri sebelum menghilangkan diri. Tidak ada pemimpin Parti MCA lain yang hadir kecuali Naib Presidennya, Datuk Lew Sip Hon yang menyambut kelibatan Perdana Menteri petang ini.

Menjawab satu pertanyaan sama ada krisis MCA itu telah merosakkan imej Barisan Nasional, Presiden UMNO menarik perhatian bahawa soal imej bergantung kepada pihak yang membuat penilaian.

"Soal imej sentiasa naik dan turun mengikut masa dan perkembangan dan tidak ada satu penilaian yang khusus," tegas beliau. Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah memberi satu jangka waktu yang tetap bagi puak-puak yang bertelagah dalam MCA supaya menyelesaikan krisis mereka.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam bahawa MCA patut keluar sementara dari BN untuk menyelesaikan masalahnya, beliau berkata: "Saya masih belum diberitahu apa sebenarnya yang telah berlaku. Oleh itu saya perlu mendapat peluang untuk mengetahui perkembangan tersebut daripada pihak-pihak yang terlibat tentang apa yang berlaku, apa yang diperkatakan, dan apa reaksi yang timbul. Selepas itu barulah boleh saya cakap." Walaupun demikian, beliau menambah, "saya terpaksa mematuhi konsensus dan kehendak pihak-pihak yang berkenaan, pertamanya, dalam UMNO saya harus bertindak mengikut pendirian biro politik dan Majlis Tertinggi, kemudian MCA dan akhir sekali sekiranya ia melibatkan Barisan Nasional, maka saya perlu mengadakan mesyuarat BN." Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional menegaskan bahawa beliau tidak boleh bertindak secara bersendirian untuk menghakimi keadaan yang melanda MCA sekarang. Walaupun ditanya secara bertalu-talu mengenai krisis MCA dan perkembangan terakhirnya sekarang, beliau tetap mengulangi bahawa beliau terpaksa menelitinya terlebih dahulu dari semua

"Apa yang saya tegaskan hanya merupakan harapan supaya ia diselesaikan dan bukan jangka waktu bahawa ia mesti diselesaikan sebelum saya balik (dari lawatan)," ujar beliau. Menurutny, selam ini para pemimpin UMNO menganggap krisis itu sebagai masalah dalaman Parti MCA dan jika pun ia boleh mendatangkan apa-apa kesan, ia akan menyentuh BN. Oleh itu beri peluang kepada Barisan Nasional untuk membincangkannya. Beliau membayangkan mesyuarat BN mungkin akan diadakan pada awal bulan depan seberapa cepat yang boleh memandangkan ramai di kalangan ahli-ahlinya kini sedang bercuti di luar negeri. Ditanya sama ada UMNO mencapai ketetapan supaya MCA keluar sementara dari BN untuk menyelesaikan krisisnya dalam mesyuarat biro politiknya atau mana-mana mesyuarat khas yang diadakan sebelum pemergian ke negara-negara Afrika, Datuk Sri

LIHAT MUKA 6

Dr. Mahathir berkata saraan itu adalah pandangan beberapa orang dan UMNO tidak mencapai keputusan mengenainya secara rasmi. Katanya, beliau tidak tahu sama ada ia merupakan seruan daripada Datuk Musa sendiri atau perasaan ahli UMNO. "Sebenarnya saya tidak tahu secara khusus apa yang dikatakan oleh Datuk Musa. Beri saya peluang untuk bercakap dengannya." Perdana Menteri menambah bahawa semasa beliau melahirkan harapannya kepada MCA supaya menyelesaikan masalah mereka, beliau tidak langsung memberi had masa kepada mereka untuk berbuat demikian atau memberi kata-dua jika mereka gagal, mereka kena keluar dari BN. Menjawab pertanyaan sama ada beliau sanggup menjadi orang tengah dalam mencari perdamaian kepada krisis itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata sebelum sebarang ketetapan diambil beliau perlu tahu apa hakikatnya yang sebenar.

"Selepas itu baru saya boleh putuskan sama ada untuk menjadi orang tengah, mengeluarkan kenyataan atau mengadakan mesyuarat," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yakin bahawa masalah itu boleh diselesaikan.

"MCA memang mempunyai barisan pemimpin yang baik, di dalam dan di luar parti tetapi jika anda bertanya harapan saya bila krisis ini dapat diselesaikan, jawapannya saya ialah ia sepatutnya sudah lama diatasi," kata beliau.

Menurutnya, semasa di dalam lawatannya, beliau telah dimaklumkan dengan perkembangan terakhir krisis MCA melalui teleks,

bercadang untuk membuat sebarang komen.

Katanya, apa yang disampaikan kepada beliau adalah laporan akhbar dan seperti biara, menurut beliau, akhbar-akhbar selalu memberi makna yang lebih dari yang dimaksudkan.

"Tiga akhbar yang dibaca, tiga cerita yang berlainan,"